

RUU Bank Makanan dibentang di Parlimen bulan depan

Haradian Shah Hamdan
19 September 2019 6:38 PM



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL (tiga dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil penyumbang Program Bank Makanan Siswa USIM di Seremban hari ini. - UTUSAN ONLINE

SEREMBAN 19 Sept. - Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan program Bank Makanan dijangka dibentangkan oleh kerajaan di Dewan Rakyat pada Oktober depan untuk mendapat kelulusan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, draf pertama RUU itu telah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti.

"Jabatan Peguam Negara telah mengembalikan semula draf tersebut kepada kami dan memberi 'lampu hijau' untuk dibentangkan kepada Kabinet.

"Jika Kabinet setuju, kita harap dapat bentangkan RUU berkaitan program Bank Makanan ini di Parlimen pada Oktober depan," katanya dalam sidang akhbar Pelancaran Program Bank Makanan Siswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini hari ini.

4 Saifuddin Nasution berkata, RUU berkaitan program itu apabila diluluskan kelak dijangka menambah bilangan penyumbang sebanyak 20 peratus dan jangkaan tersebut dibuat berdasarkan pengalaman negara yang telah mempunyai RUU seumpama itu.

Beliau memberitahu, pada masa ini terdapat seramai 430 penyumbang kepada program Bank Makanan di seluruh negara termasuk pasar raya dan syarikat peruncitan.

Katanya, pada masa akan datang kerajaan juga bercadang untuk memberi potongan cukai kepada pihak yang memberi sumbangan kepada program Bank Makanan.

Dalam pada itu, katanya, antara objektif RUU itu adalah berkaitan aspek perlindungan kepada penyumbang makanan yang kkuatir sekiranya boleh dikenakan tindakan oleh penerima.

"Kadangkala syarikat ambil sikap berjaga-jaga untuk menyumbang kerana bimbang apabila barang sampai kepada penerima dan ada masalah, mereka dibawa ke muka pengadilan. Bagaimanapun, setakat ini ia tidak pernah berlaku kerana kita hanya ambil barang yang baik, namun perlu ada undang-undang melindungi penyumbang," katanya. - UTUSAN ONLINE

